# CERMIN 2020

# CARA HIDUP KITA BERUBAH

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

TAHUN 2020 agak mencabar sehingga mengubah kehdupan seharian rakyat di seluruh dunia apabila ada pandemik Covid-19 yang menular di seluruh dunia bermula dari China.

Siapa sangka kehidupan sebelum ini yang padat dengan aktiviti ekonomi, kerja dan rutin harian berubah sekelip mata apabila terpaksa duduk di rumah dan menjalani norma baharu akibat pandemik ini.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga menasihatkan orang ramai mengamalkan norma baharu dengan melakukan penjarakan fizikal, kerap mencuci tangan, mengelak berjabat tangan dan memakai pelitup muka.

Malah di Malaysia kerajaan turut melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk memutuskan rantaian virus bagi membantu dalam meratakan lengkuk jangkitan.

Berikut rentetan norma baharu rakyat Malaysia sebaik Covid-19 melanda negara sepanjang 2020.

## 1) MASYARAKAT MENGAMALKAN PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU



**Kementerian** Kesihatan Malaysia (KKM) sering menekankan amalan kerap membasuh tangan, penjarakan fizikal serta wajib menggunakan pelitup muka.

Tiada lagi amalan berjabat tangan seperti kebiasaan dan elak bersembang dengan jarak dekat antara norma baharu yang diamalkan masyarakat.

Selain itu setiap premis juga perlu menyediakan alat pembasmi kuman dan merekod suhu setiap pelanggang.



## 2) PELAKSANAAN KERJA DARI RUMAH

**Semua** pekerja sektor awam dan swasta peringkat pengurusan serta pentadbiran dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diarah bekerja di rumah.

Bagaimanapun bagi pekerja sektor lain yang dikategorikan sebagai informal sektor seperti sektor peruncitan, makanan, perladangan, pertanian, penjaja, gerai makan, restoran, medan selera, kedai runcit, kedai serbaneka dan lain-lain dibenarkan bekerja seperti biasa mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Begitu juga, pekerja bagi perkhidmatan pengangkutan seperti pengangkutan awam, bas ekspres, LRT, teksi, e-hailing dan khidmat penghantaran makanan juga boleh bekerja seperti biasa.

## 3) SEKTOR EKONOMI TERJEJAS AKIBAT COVID-19

**Pelaksanaan** Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan sektor ekonomi antara yang terjejas selepas tidak dapat beroperasi sepanjang PKP dilaksanakan.

Pandemik Covid-19 juga menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun ini dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menguncup pada kadar negatif 8.3 peratus bagi separuh pertama tahun ini.

Semua sektor utama ekonomi terjejas terutama dalam sektor perkhidmatan (negatif 6.7 peratus), pembuatan (negatif 8.7 peratus) dan pembinaan (negatif 25.9 peratus).

Akibatnya banyak syarikat termasuk perhotelan, penerbangan yang gulung tikar akibat tidak dapat meneruskan operasi.





## 4) SISTEM PENDIDIKAN BERUBAH MENERUSI PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

**Pandemik** Covid-19 menyebabkan sistem pendidikan negara turut berubah apabila sekolah dan universiti ditutup dalam tempoh yang lama.

Susulan itu, pelajar dan guru menggunakan kaedah pembelajaran dalam talian malah peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) turut dibatalkan.

Sementara peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula ditunda ke tahun depan.



## 5) TIADA AMALAN ZIARAH DAN PULANG KE KAMPUNG KETIKA PERAYAAN

**Aktiviti** pulang ke kampung dan menziarahi sanak saudara ketika musim perayaan tidak dapat dilakukan seperti kebiasaan tahun ini akibat pandemik Covid-19.

Malah suasana sambutan perayaan juga disambut secara sederhana selain rumah ibadat turut lengang apabila kerajaan mengehadkan jumlah pengunjung bagi mengelak penularan Covid-19.

Manakala solat sunat Aidilfitri buat pertama kalinya dilakukan di rumah selepas masjid ditutup sepanjang PKP dilaksanakan.



## 6) KETUA KELUARGA SAHAJA DIBENARKAN MEMBELI BARANG KEPERLUAN

**Perintah** Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan turut memberi seribu pengalaman baharu kepada ketua keluarga apabila mereka terpaksa membeli barang keperluan isi rumah sepanjang tempoh itu.

Jika sebelum ini kebanyakan tugas membeli barangan dilakukan isteri, akibat Covid-19 dan PKP menyebabkan kerajaan hanya membenarkan ketua keluarga sahaja keluar membeli barangan keperluan itu.

Malah tugasan itu yang sebelum agak kekok bagi golongan lelaki yang tidak mengenali barangan keperluan memberi pengalaman baharu dan mengajar mereka kehidupan baharu.

## 7) PEMBELIAN BARANGAN SECARA DALAM TALIAN MENINGKAT

**Sebaik** kerajaan mengumumkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) situasi panik boleh dilihat apabila sesetengah orang membuat pembelian panik barang keperluan dapur di pasar raya.

Ini berlaku kerana mereka bimbang sekiranya bekalan makanan tidak mencukupi, meskipun Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin sendiri memberi jaminan bahawa situasi itu tidak akan terjadi.

Namun selepas dua minggu perintah itu berkuat kuasa, tiada lagi insiden menyerbu pasar raya malah mereka lebih cenderung menggunakan perkhidmatan dalam talian.

Aktiviti jual beli dalam talian itu mencatatkan peningkatan sebanyak 28.9 peratus April lalu, ketika negara menguatkuasakan PKP, bermula Mac 2020.





## 8) PENGGUNAAN APLIKASI MYSEJAHTERA MENJADI KEWAJIPAN

**Pandemik** Covid-19 menyebabkan kerajaan mengambil langkah membangunkan aplikasi MySejahtera untuk membantu dalam pengawasan penularan wabak Covid-19 di dalam negara dengan membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan kendiri.

Pada masa yang sama, ia membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapat maklumat awal untuk mengambil tindakan yang cepat dan berkesan.

Malah di dalam telefon bimbit setiap orang pasti memiliki aplikasi itu yang akan digunakan setiap kali memasuki premis.



## 9) PINTU SEMPADAN NEGARA DITUTUP

**Bagi** mengekang penularan Covid-19 kerajaan terpaksa menutup pintu sempadan negara malah mereka yang pulang ke negara ini turut akan ditempatkan di pusat kuarantin dan hanya dibenarkan keluar jika didapati negatif selepas hari ke 14.

Malah individu yang tiba di negara ini turut akan diimbas suhu sebaik tiba di negara ini selain diwajibkan menjalani ujian Covid-19.

## 10) HILANG KERJA AKIBAT COVID-19

**Pandemik** Covid-19 melanda seluruh dunia juga menyebabkan ramai yang kehilangan kerja terutama dalam sektor penerbangan, perhotelan dan sebagainya akibat tidak dapat menampung kos operasi kerana pandemik ini.

Ada yang sebelum ini menjadi juruterbang dan pramugara atau pramugari akhirnya terpaksa mengubah kerjaya apabila ada yang menjadi peniaga burger, menjual nasi lemak dan sebagainya bagi menampung kehidupan.

Malah hotel yang wujud sekian lama akhirnya terpaksa ditutup kerana tidak dapat beroperasi sepanjang PKP.

Menurut Jabatan Perangkaan, kadar pengangguran di Malaysia meningkat kepada 5.3 peratus pada Mei tahun ini yang mencatatkan 826,100 penganggur.

